

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI buat dasar beli balik produk usahawan	Utusan Malaysia
2	MOSTI bantu pemilik produk perluas pasaran	Berita Harian
3	MITI sasar RM10 bilion pelaburan E&E	Utusan Malaysia
4	EIDC SIRIM ditubuhkan untuk bantu PKS	Utusan Malaysia
5	MB: People must play part to prevent floods	The Malay Mail
6	Minta ambil DNA sendiri menyalahi asas undang-undang	Berita Harian
7	Rumah kedua Dr. Mazlan	Utusan Malaysia (Mega)
8	Experience of a lifetime	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 07 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

MOSTI buat dasar beli balik produk usahawan

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mahu membentuk dasar pembelian balik produk-produk yang dicipta oleh usahawan-usahawan tempatan yang mendapat geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) dari kementerian itu untuk dikomersialkan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Md. Diah berkata, dasar ini akan dilaksanakan pada tahun ini juga bagi memastikan lebih banyak produk usahawan dapat dikomersialkan di pasaran tempatan.

Sebagai permulaan katanya, MOSTI akan membelanjakan sebanyak RM50 juta daripada RM290 juta yang diperuntukkan kerajaan untuk program-program R&D di bawah Bajet 2015 untuk membeli produk-produk usahawan tersebut.

Beliau berkata, dasar ini bertujuan memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa produk-produk yang dihasilkan usahawan-usahawan tempatan adalah baik, diyakini dan boleh dikomersialkan.

"Kerajaan akan menjadikan produk-produk yang dihasilkan ini sebagai satu testimoni bagi mengukur kejayaan sesebuah R&D terhadap produk-produk yang dihasilkan. Kita mahu menghasilkan lebih ramai usahawan dengan produk-produk ini.

"Jika tidak, ia hanya menjadi satu kerugian apabila produk-produk yang sudah dijalankan R&D itu dan mempunyai potensi yang tinggi, tidak dapat digunakan," katanya ke-



ABU BAKAR MD. DIAH (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian di antara Mohan K (dua dari kiri) dan Rakan Mathys & Squire Intellectual Property, Chris K. Hamer (dua dari kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

pada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Seminar IP - It Makes Sense di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah Adastra IP (M) Sdn. Bhd., Mohan K. dan Ketua Pengarah MyIPO, Shamsiah Kamaruddin.

Abu Bakar berkata, usahawan-usahawan juga tidak boleh menggunakan IP sebagai alasan untuk mengaut keuntungan yang kemudiannya menjadi batu penghalang kepada aktiviti pengkomersialan.

Jelasnya, IP sepatutnya menjadi platform mudah usahawan-usahawan untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

"Kita mahu proses perbincangan di antara usahawan-usahawan dengan pembeli-pembeli produk dapat

dilakukan dengan mudah serta aktiviti pengkomersialan dapat berjalan dengan lancar," ujarnya.

Sementara itu, Mohan berkata, seminar IP adalah bukti IP di negara ini tidak lagi terhad kepada pasaran tempatan, tetapi juga meneroka pasaran luar negara.

Menurutnya, minat yang ditunjukkan oleh firma asing seperti Mathys & Squire yang berpangkalan di London, untuk bekerjasama dengan Adastra akan membantu meluaskan IP tempatan ke seluruh dunia.

"Dengan lebih 100 penyertaan, kami berharap dapat menganjurkan seminar seumpamanya secara tahunan bagi mewujudkan kesedaran yang lebih lagi mengenai hak-hak IP," ujarnya.

MOSTI bantu pemilik produk perluas pasaran

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan membantu pemilik paten meningkatkan daya komersial 360 produk tempatan berpotensi tinggi menerusi kaedah pembelian semula.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata dasar itu adalah selaras usaha kerajaan membantu pemilik produk menembusi pasaran antarabangsa.

“Kerajaan bertindak sebagai pengantara dalam mengetengahkan produk berimpak tinggi yang diperoleh daripada pemilik, untuk dimajukan kepada kementerian atau pihak berkepentingan bergantung kepada kesesuaian.

“Contohnya, pihak berkuasa tempatan, syarikat keselamatan, pendidikan dan kesihatan,” katanya kepada sidang media selepas merasmikan Seminar Harta Intelek, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek (IPO), Shamsiah Kamaruddin dan Pengarah Adastra IP, Mohan K.

Abu Bakar berkata, dasar baharu berkenaan juga bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pengguna bagi menentukan sama ada boleh diteruskan sebagai produk komersial atau sebaliknya.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM50 juta bagi permulaan pelaksanaan dasar berkenaan dan mengutamakan kepada pemilik yang memohon geran yang disediakan kerajaan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 7 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)



MUSTAPA MOHAMED menunjukkan dokumen hasil perbincangan sambil diperhatikan **Azman Mahmud** (kiri) dan **Nik Rahmat Nik Taib** di Kuala Lumpur, semalam.

MITI sasar RM10 bilion pelaburan E&E

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menasaskan nilai pelaburan sebanyak RM10 bilion di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) Elektrikal dan Elektronik (E&E) menjelang hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, sasaran itu boleh dicapai berdasarkan pertumbuhan ekonomi negara yang mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 5.5 peratus hingga enam peratus disokong

oleh nilai ringgit yang stabil.

Katanya, sektor berkenaan mencatat rekod pelaburan diluluskan sebanyak RM8.4 bilion sehingga Julai tahun ini dengan 57 projek, sekali gus melepasi sasaran 2014 sebanyak RM5.1 bilion.

"E&E merupakan sektor terbesar dalam pembuatan yang menyumbang 32.9 peratus daripada keseluruhan jumlah eksport negara dan menjadi bidang penting kepada negara," katanya pada sidang akhbar NKEA E&E di sini hari ini.

Yang turut hadir, **Timbalan**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud dan Timbalan Ketua Setiausaha (Industri) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Nik Rahmat Nik Taib.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2014, Malaysia mencatat peningkatan 9.6 peratus eksport bagi produk E&E kepada RM165.5 bilion berbanding RM151 bilion bagi tempoh sama tahun lalu.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 07 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

EIDC SIRIM ditubuhkan untuk bantu PKS

SHAH ALAM 6 Nov. - SIRIM Berhad, melalui Pusat Reka bentuk Eko Perindustrian (EIDC) bersedia memberi sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan daripada sektor elektronik dan elektrik bagi menggunakan teknologi terkini dalam bidang reka bentuk dan pembuatan prototaip.

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof (gambar) berkata, pusat tersebut menye-



diakan bantuan kepada PKS bagi membolehkan syarikat-syarikat tempatan berada di hadapan dalam rantai nilai reka bentuk dan pembuatan melalui perkhidmatan yang mudah diperoleh pada kos berpatutan.

Katanya, pusat yang terletak di SIRIM Bukit Jalil dan mula beroperasi Disember tahun lepas itu menyediakan perkhidmatan terutamanya bagi PKS dalam bidang reka bentuk eko dan prototaip pantas.

"Antara lain, EIDC menawarkan bantuan kepada industri tempatan

dalam pengeluaran produk mesra alam melalui inovasi eko dan seterusnya meningkatkan keupayaan industri dari segi daya saing global.

"Pusat ini juga bakal mewujudkan kumpulan pereka bentuk industri melalui program-program pembangunan bakat hasil usahasama dengan institut-institut latihan tempatan," kata SIRIM dalam kenyataannya di sini hari ini.

Penubuhan EIDC yang bernilai RM6.55 juta telah diamanahkan kepada SIRIM oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) di bawah inisiatif Elektronik dan Elektrikal, Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA).

